



PENDIDIKAN KRISTIAN

Kursus ini akan melihat perkembangan pendidikan Kristian yang berlangsung di gereja. Pengajaran kursus ini mencakup beberapa bahagian, iaitu mempelajari dasar-dasar pendidikan Kristian di gereja dan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh gereja dalam menerapkan pendidikan Kristian yang berkesan.

Pada akhir pengajaran kursus ini pelajar akan mempelajari:

1. Makna pendidikan Kristian dalam konteks gereja.
2. Pendekatan-pendekatan pendidikan Kristian yang berkesan dan bersesuaian.
3. Program-program pendidikan Kristian yang berkesan untuk diaplikasikan oleh gereja pada masa kini.



Tarikh : 13 hb - 16 hb Jun 2017

Tempat : Kampus STM, Seremban.

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Delaila Singa (bmttee@stm2.edu.my) atau

Telefon: 606 - 632 2815.

Tarikh tutup pendaftaran kursus:

30 hb Mei 2017 - 2 minggu sebelum kursus dijalankan.

PENSYARAH YANG MENGAJAR:

Cik Patricia Galidau melayani sebagai pensyarah di Maktab Teologi Sabah (MTS) Namas, Ranau sejak tahun 2013. Beliau mempunyai Sijil dalam *General National Vocational Qualification in Business Studies* dari Institut Perdagangan Mara, KL (1997) dan pernah melayani di kalangan mahasiswa/i bersama dengan *Campus Crusade for Christ* selama lima tahun (1999-2004). Dari segi pendidikan teologi beliau mendapat *Bachelor of Divinity* pada tahun 2008 dari Seminari Teologi Sabah, Kota Kinabalu. Setelah melayani sebagai tenaga pengajar di MTS Melangkap, Kota Belud, Sabah selama satu tahun (2009), beliau melanjutkan pelajaran dan mendapat *Master of Theology* pada tahun 2013 dari Seminari Theoloji Malaysia, Seremban Negeri Sembilan.